

Primary 1 Recommended Book List

No.	Title	Author	Synopsis (from Publisher)	Publisher	Publication Year	Fic/Non-Fic
1	1 2 3 Lekuk!	Basari Mat Yasit	Pada suatu pagi yang cerah, Sang Kancil berasa lapar. Tiba-tiba Sang Kancil ternampak pokok yang berbuah di seberang sungai. Tetapi sungai itu penuh dengan buaya; lagi pun Sang Kancil tidak pandai berenang. Bagaimanakah Sang Kancil dapat menyeberangi sungai itu dan makan buah-buahan yang sedap di seberang sungai? Cerita klasik dan lucu ini tidak akan jemu dibaca oleh kanak-kanak ditambah dengan ilustrasi yang berwarna terang dan ekspresif.	Oyez! Books	2020	Fiction
2	Alif tidak mahu turun	Zuzanita Zakaria	Apakah yang anda akan lakukan sekiranya anda hanya melakukan perkara yang sama setiap hari? Anda gunakan daya kreativiti anda untuk mengembara! Alif, sebuah lif, sedar bahawa dia boleh mengembara sekiranya dia kreatif. Semua ini berlaku kerana Zaki, seorang budak yang peramah, telah mendorong Alif supaya lebih positif. Alif hanya memerlukan sedikit dorongan.	Magic Storylamp	2018	Fiction
3	Anak Ayam Bermain Dalam Hujan	Amanah Mustafi	Musim tengkujuh telah bermula di kampung Anak Ayam. Ayah dan Ibu Ayam menghalang Anak Ayam daripada bermain dalam hujan di luar. Semasa Ayah dan Ibu Ayam sedang tidur, Anak Ayam menyelip keluar dari rumah. Anak Ayam kemudian bertemu Itik, Kucing, Angsa dan Burung Nuri untuk bermain bersama. Anak Ayam kemudian menyelam ke dalam sungai untuk berenang. Semasa bermain di dalam air, salah satu sandal beliau tergelincir dari kaki. Anak Ayam cuba mencapai sandal beliau namun tidak dapat mengatasi arus sungai yang kuat.	Mini Monsters	2016	Fiction
4	Anak Patung yang Istimewa	Nicha Peechavanich	Kaila seorang yang miskin. Anak patungnya dibuat daripada cebisan kain lama. Anak patung itu tidak kelihatan seperti anak patung mahal yang dibeli di pasar raya. Oleh kerana itu, kanak-kanak lain merasakan anak patung itu hodoh. Walaubagaimanapun, melalui anak patung itu, Kaila tahu bahawa dia amat disayangi keluarganya.	Penerbitan Pelangi	2015	Fiction
5	BAM!!	Adinursuryani Binte Md Rashid & Noor Sahida Binte Johari	Farhan sedang bermain di bilik. Tiba-tiba dia terdengar bunyi yang kuat di luar bilik! Siapa atau apa yang membuat bisik itu?	Pustaka Nasional	2019	Fiction

6	Bangau Oh Bangau	Elly Nor Suria M. Zainudin	"Bangau Oh Bangau" merupakan lagu rakyat yang sangat popular di kalangan kanak-kanak. Ianya memberikan pengenalan ringkas kepada kanak-kanak tentang bagaimana setiap organisma dalam persekitaran kita memainkan peranan dalam mengekalkan ekosistem. Lagu ini dipaparkan dalam buku bergambar ini dengan ilustrasi menarik daripada Elly Nor Suria.	Integra Creative Media	2018	Fiction
7	Bermain Bersama Nenek	Nur Assyikin Binti Mohamad Lais & Nurulfizah Binte Mohamed Ali	Congkak, capteh, guli, tingting... Nenek tahu macam2 permainan. Saya mahu mempelajari semua permainan itu. Adakah saya akan jadi mahir dengan permainan ini ? Marilah main bersama saya !	Pustaka Nasional	2019	Fiction
8	Biring Sikunani	Rahimidin Zahari	Biring Sikunani merupakan ayam sabung milik Pak Kadok, tetapi telah ditukarkan dengan Jalak Putih Mata, ayam milik Raja Alang. Apabila perlawanan berakhir, Biring Sikunani telah menewaskan Jalak Putih Mata. Pak Kadok terlupa bahawa ayamnya telah ditukarkan dengan ayam Raja. Dia pulang dengan hampa kerana rumah dan kampungnya terpaksa diserahkan kepada Raja Alang, tetapi Biring Sikunani tidak boleh dinjakkan oleh sesiapa pun kecuali Pak Kadok.	Institut Terjemahan & Buku Malaysia	2014	Fiction
9	Burung yang takutkan ketinggian	Farah Bagharib-Kaltz	Rasa takut pada ketinggian bukanlah suatu masalah yang besar – melainkan jika anda seekor burung! Temui Eddie, seekor burung tiung yang tinggal di belakang rumah lama yang terbiar bersama Matt, si tikus, satu-satunya kawannya. Pada suatu hari apabila Matt ditangkap, bagaimanakah Eddie dapat memastikan hidupnya tidak musnah?	Straits Times Press	2020	Fiction
10	Cef Cilik	Shahidah Borhan & Nurwahidah Rosli	Munirah dan Ayah sedang memasak makan malam untuk seorang yang istimewa. Siapakah orang itu ?	Pustaka Nasional	2019	Fiction
11	Di Mana Rumah Saya?	Nur-El-Hudaa Jaffar	Kuning seekor anak kucing yang suka main sembunyi-sembunyi. Apabila dia sesat di taman, Taiwan kecil yang lain cuba membantunya. Mereka bertanya adakah rumah Kuning seperti rumah mereka? Masalahnya, Kuning dapati rumah mereka semua tidak sesuai untuk seekor anak kucing!	Pustaka Nasional	2015	Fiction

12	Feri Menjaga Kelestarian Laut	Raudhah Binte Alias	Feri sedang bersiar-siar apabila dia melihat sampah Plastik merata-rata di laut. Banyak ikan mati setelah memakan sampah plastik itu. Feri dan Kayan pergi mencari kapal yang membuang sampah tersebut. Apakah yang harus mereka lakukan supaya laut menjadi bersih kembali ?	Pustaka Nasional	2021	Fiction
13	Gajah yang mahu bebas	Prema Govin	Jojo seekor anak gajah yang dijaga oleh gembala gajah di dalam sebuah hutan. Pada suatu hari, Jojo terjumpa Lulu yang hidup bebas di dalam hutan itu. Jojo juga mahu bebas seperti Lulu. Adakah Impian Jojo akan tercapai?	Crimson Earth	2022	Fiction
14	Ge Mencari Rumah	Eva Y. Nukman	Kasih Ge. Dia dipaksa bekera walaupun dia penat. Apabila ada peluang Ge segera melarikan diri. Eh mengapa tempat tinggal lama Ge tidak sama lagi? Oh-oh! Ada orang mengejar Ge! Ke mana harus Ge berlari?	Pustaka Nasional	2019	Fiction
15	Hadiah istimewa	Nur-El-Hudaa Jaffar	Azim suka melukis. Akan tetapi, hari ini dia tidak mahu melukis. Dia sedih. Neneknya akan berpindah ke tempat yang sangat jauh. Adakah Nenek akan melupakan Azim nanti?	Calico Tales	2022	Fiction
16	Hendak ke mana gagak?	Azalan Hussain	Gagak tinggal di dalam hutan. Kemudian terbang ke bandar kerana hutan tidak lagi menjadi tempat tinggal yang seronok. Di bandar juga sama, mereka dihalau kerana suka membuat kotor. Dengan hati yang sedih mereka terbang lagi entah ke mana...	Studio Anai Anai	2020	Fiction
17	Kawan baharu Tappi	Azman Md Nor	Tappi seekor cipan yang tinggal keseorangan di sebuah hutan simpanan. Tappi berasa sunyi dan ingin mencari kawan. Pada suatu hari, Tappi mengalami kejadian yang menyakitkan. Namun, hasilnya, Tappi mendapat kawan baharu. Cerita ini sesuai untuk kanak-kanak pra-sekolah yang akan juga berasa seronok mengikuti Tappi dalam perjalanannya mencari kawan.	Integra Creative Media	2019	Fiction
18	Kek hari jadi Wani	C. Krismariana W.	Hari ini hari jadi Wani. Nenek datang untuk membuatkan kek istimewa untuknya. Kenapa nenek menyediakan beras, gula melaka, kelapa dan daun pisang? Apakah kek yang Nenek akan buat?	Pustaka Nasional	2018	Fiction

19	Krak! Krak! Krak!	Benny Rhamdani	Seekor bayi komodo terbangun. Ia tertidur sangat lama di dalam telurnya. Saat keluar dari dalam telur itu, bayi komodo bertemu banyak makhluk menyeramkan. Wah, siapa, ya ..., makhluk-makhluk tersebut?	Pustaka Nasional	2018	Fiction
20	Kring! Kring!	Nurhayati Pujiastuti	Ibu selalu lambat sampai ke sekolah Momo. Apakah yang boleh Ibu lakukan?	Pustaka Nasional	2018	Fiction
21	Kucing Baharu Fandi	Nadirah Azman & Raudah Binte Abdul Karim	Fandi ada seekor kucing peliharaan. Kucing itu dilayan dengan baik oleh setiap ahli keluarga. Pada suatu petang, apabila ribut berlaku di luar, kucingnya lesap. Apakah yang keluarga Fandi buat?	Pustaka Nasional	2019	Fiction
22	Kuih yang mana satu?	Idayu Hussain	Seorang budak lelaki dan kakaknya ke bazar Geylang Serai untuk membeli juadah berbuka puasa. Kuih yang mana satu akan dipilih oleh si budak lelaki?	Ungu Pen	2019	Fiction
23	Lihat! Lihat!	Aniek Wijaya	Ibu pergi membeli makanan. Uma pula harus menjaga Adik. Namun, Adik terus merengek. Mengapa Adik tidak berhenti menangis? Bagaimanakah Uma dapat menghiburkan Adik?	Pustaka Nasional	2021	Fiction
24	Mari Kita Naik Kereta Api	Chang Cong	Mike dan Si Arnab membina keretapi kecil untuk Sang Siput. Tetapi keretapi itu nampaknya kurang selamat. Kemudian Pak Lan membawa mereka naik keretapi sebenar yang sangat pantas. Si Arnab berasa takut. Adakah keretapi itu selamat?	Integra Creative Media	2020	Fiction
25	Meja Makan Adil	Rilla Melati Bahri	Apakah yang akan terjadi apabila meja makan Adil diangkut oleh Apek karung guni? Dapatkah Adil menjadi hero bola sepak? Memandu kenderaan ke dalam garaj? Atau menjadi doktor untuk Tedi? Ikuti kisah lucu Adil ini!	Mini Monsters	2016	Fiction

26	Meli yang ceria	Cristiana Messina	Alangkah gembiranya Meli, si bot kecil setelah melepaskan diri daripada kelasi yang melayannya dengan buruk. Dia ingin bebas di lautan besar seperti penyu dan ikan lumba-lumba. Malangnya apabila cuaca menjadi buruk, apakah yang terjadi kepada Meli? Sebuah kisah tentang kebahagiaan di samping rakan-rakan yang menyayangi.	Pustaka Nasional	2016	Fiction
27	Menjadi Bintang	Mazni Md. Ramly	Buku ini mengandungi sepuluh buah puisi menarik tentang makanan tradisional dan nasihat yang berguna mengenai jati diri semasa kecil. Antaranya; Pulut Mengaji, Pelangi, Lawa Terung dan Menjadi Bintang. Ia sesuai dibaca atau dinyanyikan bersama keluarga. Ilustrasi oleh pelukis tersohor, Emila Yusof cukup menarik dan sepadan dengan setiap puisi.	Oyez! Books	2018	Fiction
28	Misi Melur	Anis Puteri	Melur kagum dengan keindahan alam di pantai, tetapi alangkah terkejutnya Melur apabila dibawa oleh Sang Paus untuk melihat keadaan laut. Apakah yang dinampak oleh Melur? Pengalaman ini telah memberi Melur satu misi baharu.	Oyez! Books	2020	Fiction
29	Misteri di Pasar Terapung	Eva Y. Nukman	Aneh! Berbagai-bagai kuih dan buah yang hilang dari perahu-perahu yang Mawi. Orang lain menuduh Mawi mengambil barang tanpa izin. Mawi tahu dia tidak bersalah. Dia memerhatikan sekitarnya. Siapakah yang mengambil kuih-muih dan buah-buahan itu?	Pustaka Nasional	2019	Fiction
30	Penghuni rumah tua	Januarsyah Sutan	Rima, Rifki dan Riza sedang mencari bola mereka yang termasuk dalam sebuah rumah tua. Ada bunyi seram dalam rumah tersebut. Apakah mereka dapat jumpa bola mereka sebelum bunyi itu?	Pustaka Nasional	2018	Fiction
31	Pertandingan Bercerita Paling Panjang di Dunia	Azalan Hussain	Raja suka mendengar cerita. Pada suatu hari raja mengadakan pertandingan bercerita. Barang siapa yang dapat bercerita dengan panjang lebar, akan dikahwinkan dengan puteri raja. Apakah kesudahannya?	Studio Anai Anai	2021	Fiction

32	Piano Pak Zubir	Arina Nadiah & Siti Nurul Syafiqah	Sebuah piano di dalam galeri Muzium Taman Warisan Melayu menarik perhatian Arisya. Alangkah terkejutnya Arisya apabila piano itu memperkenalkan dirinya sebagai Piano milik Pak Zubir Said, pencipta lagu Majulah Singapura. Setelah mendengar cerita Piano Pak Zubir, Arisya menanam cita-cita untuk menjadi seorang yang ikhlas dan tabah.	Pustaka Nasional	2021	Fiction
33	Pling! Pak! Bong!	Nur-El-Hudaa Jaffar	Azim mahu bermain gitar kakaknya, tetapi Kak Ana berkata jari Azim pendek dan tangan Azim kecil. Azim tidak merajuk. Azim boleh bermain alat muzik yang lain. Pasti ada yang sesuai.	Calico Tales	2022	Fiction
34	Po, Beruang Kutub Yang Sesat	Insyirah Abdullah	Siapa sangka, Po – seekor beruang dari Kutub Utara boleh tersesat jauh hingga ke Singapura. Mari ikuti kisah Po menyesuaikan dirinya dengan cuaca panas di Kota Singa.	Magic Storylamp	2022	Fiction
35	Raja Rojak	Nur Shabrina Binte Mohd Afendi & Nur Shaliza Binte Zulkifli	Ayuh, datanglah ke Pusat Penjaja Kopikita. Kenali Rojak Bandung, Rojak India dan Rojak Char Kuey. Hendak tahu yang mana satu lebih sedap? Bacalah!	Pustaka Nasional	2021	Fiction
36	Saya Suka Caramu	Audelia Agustine	Wuri dan Rano pergi bersama-sama ke pesta hari jadi kawan mereka. Sepanjang perjalanan mereka, Wuri mempelajari bagaimana Rano yang buta dapat bergerak ke sana sini dengan menggunakan derianya.	Pustaka Nasional	2017	Fiction
37	Tok Bah Suka Apa	Mohd Khairul Azman Ismail	Tok Bah teringin makan kuih berwarna hijau. Akan tetapi Tok Bah terlupa namanya. Kuih apakah itu? Dengan bantuan Owly, Tok Mi cuba sediakan kuih hijau yang Tok Bah inginkan. Betulkah tekaan Tok Mi? Apakah kuih hijau kesukaan Tok Bah? Sebuah buku bergambar tentang kasih sayang dan persahabatan. Pembaca kecil akan belajar mengenali kuih-kuih tradisional yang semakin asing dari zaman mereka.	OwlyBooks Enterprise	2022	Fiction
38	Tuty si anak penyu	Nor Azhar Ishak	Cerita ini tentang Tuty, seekor penyu yang kecil dan berani. Ia menjejaki penetasan beliau di sebuah pantai dan perjalanan yang luar biasa merentasi lautan mencari ibu. Pembaca dijemput untuk menyertai pengembaraan beliau yang menakutkan namun menarik. Adakah dia akan bertemu dengan apa yang dicari?	Integra Creative Media	2021	Fiction

39 Kejutan Sloth

Andini Subarja

Hari ini, Sloth akan ke pesta ulang tahun kawannya. Sloth akan datang untuk memberikan kejutan. Namun Sloth sangat lambat! Makannya sangat lambat! Jalannya sangat lambat. Aduh! Apakah Sloth akan datang lambat ke pesta ulang tahun kawannya?

Ungu Pen

2023

Fiction

Primary 2 Recommended Book List

No.	Title	Author	Synopsis (from Publisher)	Publisher	Publication Year	Fic/Non-Fic
1	Ada biji saga di dalam saku kami!	Maria Mahat	Mahir dan rakan-rakan sedarjahnya melakukan darmawisata ke Taman Warisan Melayu. Dia dan rakan baiknya, Aqil, tertanya-tanya bagaimanakah keadaan Singapura pada masa lampau. Imajinasi mereka membuat mereka meneroka gambaran Singapura yang lama dan mempesonakan, dan warisan orang-orang Melayu. Sebuah buku cerita dwibahasa Inggeris-Melayu yang mengandungi pengajaran yang luas untuk kanak-kanak. Harus dimiliki oleh semua murid-murid pra-sekolah dan sekolah rendah!	Ungu Pen Education	2016	Fiction
2	Aiman Oh Aiman	Aliah Gasali & Nur Sahira Roslan	Aiman selalu membazirkan makanan. Dia suka membuang nasi yang lebih di pinggan. Pada suatu malam, Aiman dibawa ke suatu alam lain dan dia belajar bagaimana sukarnya tugas membawa beras dari sawah ke pinggan di rumah. Aiman berjanji akan mengubah tabiat membazirnya.	Pustaka Nasional	2021	Fiction
3	Anak kucing yang terperangkap	Evi Shelvia	Si Arnab Pemalu terjumpa emak kucing yang sedih sebab anak kucing terpanjat ke bangunan tinggi dan tidak tahu bagaimana nak turun. Si Arnab meminta bantuan daripada tupai terbang yang berjaya membawa Si anak kucing turun ke pangkuan ibunya.	Oyez! Books	2022	Fiction
4	Bagaimana acuan begitulah kuihnya	Maslina Yusoff	Rambut Mila kerinting dan besar. Mila suka akan rambutnya itu. Guru-guru dan kawan-kawan Mila juga suka akan rambut Mila. Pada suatu hari, Nani, kawan Mila menegur rambut kerinting dan besar Mila yang tidak mengikut rambut lurus seperti abah atau emaknya. Mila bertanya kepada emaknya. Emak Mila pun menceritakan rambut Mila itu mengikut rambut neneknya, Opah Wan. Mila berasa gembira kerana rambut kerintingnya mengikut rambut kerinting Opah Wan. Bagi Mila, betullah kata pepatah bagaimana acuan begitulah kuihnya.	Dewan Bahasa dan Pustaka	2016	Fiction
5	Bakul yang luar biasa	Quek Hong Shin	Selepas menghantar ang ku kueh kepada Ah Gong, bakul Xiaoming yang kosong digunakan dengan pelbagai cara yang imaginatif.	National Library Board	2022	Fiction

6	Begitulah kisahny! Bukan, beginilah! Bukan, begitulah!	Kathrin Schärer	<p>Apabila tiga pihak bergaduh, biasanya terdapat tiga pandangan, siapakah yang telah memulakan pergaduhan tersebut?</p> <p>Begitulah kisahny! Bukan, beginilah! Bukan, begitulah!</p> <p>Itulah sebahagian daripada pergaduhan - dan kadangkala pergaduhan adalah sebahagian daripadanya. Jalan penyelesaian ialah perkara yang paling penting untuk Sang Bejar, Sang Rubah dan Sang Beruang berdamai semula.</p> <p>Sebuah kisah tentang perdebatan, satu rayuan untuk didengarkan. dan satu pujian sebuah permainan.</p>	Integra Creative Media	2021 Fiction
7	Bola yang stres	Lydia Lim	Bola Yang Stres adalah sebuah buku bergambar yang terinspirasi dari perjalanan peribadi penulis. Ianya diceritakan melalui kisah sebiji bola dalam perjalanan mencari jawaban pada soalan-soalan asas 'Siapakah saya?' dan 'Apakah yang saya buat di sini?'. Bola tersebut bertemu dengan bola-bola lain yang sejenis namun berbeza dengannya.	National Library Board	2021 Non-fiction
8	Budak Karung Guni	Lorraine Tan	Ming merupakan seorang kanak-kanak yang mempunyai banyak idea dan impian bermakna. Meskipun usianya muda, dia pintar dan sering kali mencari cara untuk merealisasikan idea-ideanya. Ming mengumpulkan barang-barang rosak, lama dan tidak digunakan lagi daripada jiran tetangga untuk misi rahsianya. Dia berhasrat untuk membina sesuatu daripada barang-barang itu. Hasilnya sangat luar biasa!	National Library Board	2022 Fiction
9	Budak wayang cilik	Raymond Tan	Raja merupakan seorang kanak-kanak lelaki yang baik hati. Dia juga sangat aktif. Harapan ibu bapanya ialah untuk Raja memulai suatu aktiviti demi perkembangannya. Namun mereka tidak menjangka yang beliau akan memilih opera Cina. Dapatkah Raja mengatasi segala hambatan dan rintangan - bahasa, budaya, serta ibunya yang tidak setuju dengan pilihannya - untuk menjadi mahir dalam seni tersebut? Ayuh bersama Raja dalam sebuah persembahan yang menakjubkan.	Brainchild Pictures	2021 Fiction
10	Budak yang ingin mempunyai misai	Melvin Koh	Louis tidak sabar untuk menjadi seorang dewasa. Dia bercadang untuk menampal misai di mukanya. Kini dia kelihatan sama seperti Papa, Sarjan Raju dan Pakcik Wang. Cuma terdapat satu masalah... misai itu tidak dapat ditanggalkan!	National Library Board	2022 Fiction

11	Cangak Biru dan Paus Biru	Görkem Özen Çömez	<p>Cangak Biru tidak mahu lagi melakukan perkara yang sama setiap hari. Dia mahu pengalaman baharu. Dia ingin tahu di mana laut berakhir. Cangak Biru pun memulakan pengembaraannya.</p> <p>Namun, Cangak Biru mula gelisah apabila dia masih belum dapat menemui apa yang dicari. Pada saat dia berasa sangat penat, Cangak Biru bertemu dengan Paus Biru. Dengan Bantuan Paus Biru, Cangak Biru mendapat pengetahuan yang amat berharga.</p>	Pustaka Nasional	2022 Fiction
12	Damia dan Kuda Kepang Ajaib	Basari Mat Yasit	<p>Damia melawat datuk dan ternampak kuda kepang yang cantik di rumah datuk. Tiba-tiba kuda kepang itu membawa Damia terbang. Ke manakah kuda kepang itu akan membawanya?</p> <p>Dua mukasurat akhir memberi maklumat tambahan tentang Wau Bulan dan Kuda Kepang.</p>	Integra Creative Media	2020 Fiction
13	Dari Jendela Kereta Api	Lucia Hiratsuka	<p>Kereta api datang dari jauh dan ia pergi ke tempat yang lebih jauh. Adakah "jauh" tempat yang betul-betul wujud? Adakah ia tempat tinggal sepupu saya? Atau adakah ia sebuah padang yang hanya ada belukar? Atau ada bandar di situ? Kereta api itu berjalan melalui pelbagai bentuk pemandangan alam dan ramai orang naik dan turun, ada orang naik dan ada orang turun, naik dan turun... Mari ikuti saya dalam perjalanan merentasi pelbagai jejak, warna, gambar dan perkataan. Selamat berjalan!</p>	Integra Creative Media	2018 Fiction
14	Dinosusah	Neşe Kinali	<p>Ada yang berkata, "Kerja ini susah."</p> <p>Ada yang terus berlari jauh.</p> <p>Ada yang berkata, "Awak boleh!"</p> <p>Ada yang tiba-tiba berhenti melakukan sesuatu lalu meninggalkannya.</p> <p>Ada yang hanya bercakap sahaja.</p> <p>Namun, Dino tidak pernah putus asa. Ingin tahu mengapa dan bagaimana?</p>	Pustaka Nasional	2022 Fiction

15 Dompot Pak Lan	Chang Cong	<p>Mike ingin bermain dengan Abbie tetapi Abbie mengikut Pak Lan keluar makan. Tetapi Pak Lan telah tertinggal dompetnya! Mereka tidak mungkin dapat membayar makanan. Mike pun bergegas-gegas menyampaikan dompet Pak Lan kepadanya. Tetapi Pak Lan tidak memerlukan dompetnya untuk membeli makanan. Mengapakah begitu?</p> <p>Cerita yang lucu berserta dengan ilustrasi yang penuh warna ini pasti menarik minat kanak-kanak.</p>	Integra Creative Media	2020 Fiction
16 Gajah dan pokok	Jin Pyn	Gajah dan pokok merupakan sahabat karib. Setiap hari, mereka berdua menikmati padang rumput, mendaki tebing, dan bergembira semahunya. Pada suatu hari, hutan berteriak...	National Library Board	2022 Fiction
17 Hanya Inuka yang satu	Alan John	Tidak akan ada lagi suatu tarikan di Taman Haiwan Singapura yang istimewa atau dapat segera disayangi seperti Inuka, beruang kutub yang pertama dilahirkan di kawasan tropika.	Straits Times Press	2021 Non-fiction
18 Ke Mana Miau Pergi?	Yusof Gajah	Miau merupakan seekor kucing yang gemuk kerana asyik makan dan tidur sahaja. Pada suatu hari, tuan Miau membawanya berjalan-jalan di pasar. Semasa berjalan-jalan di pasar, Miau berjumpa dengan beberapa ekor kucing yang sedang mencari makanan. Mereka hairan dengan Miau yang gemuk. Disebabkan leka bermain dengan kawan-kawan baharunya, Miau telah ditinggalkan oleh tuannya di pasar.	Dewan Bahasa dan Pustaka	2019 Fiction
19 Kisah pengembaraan Mooty	Jessie Wee	Kisah Pengembaraan Mooty pertama kali diterbitkan pada tahun 1980 sebagai sebuah koleksi 10 cerita. Siri ini menggambarkan pengembaraan seekor tikus kecil yang disayangi oleh sekumpulan haiwan, burung-burung dan serangga, serta menjadi wira mereka.	National Library Board	2023 Fiction
20 Kucing jalanan	Michael Wang	Kucing Jalanan merupakan kisah tentang Mary-Lou yang ingin memelihara seekor kucing jalanan sebagai haiwan peliharaan. Ibu bapanya berasa sangat terperanjat sementara adiknya meluat, namun Myra-Lou terus mendesak. Selepas beberapa ketika mereka berbalah, akhirnya keinginannya tercapai.	National Library Board	2022 Fiction

21	Merlion yang Tidak Menyembur Air	Evi Shelvia	Apakah cara yang terbaik untuk menyelesaikan masalah? Lihatlah apa yang dilakukan oleh Si Arnab Pemalu. Ilustrasi yang cukup menarik dan cerita yang menarik memperkenalkan kanak-kanak kepada budaya di Singapura. Fakta tentang Negara Singapura terdapat di belakang buku.	Oyez! Books	2022 Fiction
22	Nenek dan benda-benda yang kekal sama	Eve Aw	Tibalah masanya untuk majlis perjumpaan jamuan malam tahunan bersama Nenek. Kami sayangkan Nenek, tetapi adakah dia akan menanyakan soalan-soalan yang sama lagi? Penat kami mendengarnya. Namun, jawapan-jawapannya mungkin tidak begitu penting.	National Library Board	2022 Fiction
23	Noah atau Godzella?	Mohd Khairul Azman Ismail	Ilyas sering diganggu oleh adiknya, Noah. Kemuncaknya apabila Noah mengambil mainan kesayangan Ilyas iaitu Godzella. Ilyas membuat keputusan untuk meminta Godzella menjadi adiknya, menggantikan Noah. Mampukah Godzella menjadi adik yang baik buat Ilyas? Bersabarkah Ilyas dengan kerendah dan gelagat Godzella?	OwlyBooks Enterprise	2022 Fiction
24	Pura si kucing	Tan Soon Meng	Pura tinggal di Boat Quay bersama tiga sahabatnya. Kucing-kucing jalanan lain tidak menghiraukan Pura - sehingga mereka mendapat tahu bahawa beliau ialah sejenis kucing yang istimewa. Namun apabila beliau dilanda kesusahan, barulah Pura sedar siapakah kawan-kawannya yang sebenar.	National Library Board	2022 Fiction
25	Putera Ular	Basari Mat Yasit	Putera Ular merupakan sebuah cerita rakyat Melayu. Kisah batu puaka ini diceritakan semula oleh Basari Mat Yasit disertai dengan ilustrasi yang cukup menarik. Beliau menggunakan medium kolaj yang memberi gambaran yang sangat realistik. Cerita ini telah dipermudahkan supaya sesuai untuk kanak-kanak. Namun, tidak hilangnya ciri-ciri khas cerita.	Integra Creative Media	2020 Fiction
26	Selipar bermanik	Adeline Foo	Puteh mempunyai sepasang selipar lusuh bermanik yang telah diberikan oleh neneknya. Selipar tersebut membawanya masuk ke sebuah dunia khayalan dan membolehkannya mengimbas masa lampau. Adakah selipar bermanik itu benar-benar ajaib?	National Library Board	2022 Fiction

27 Singa Kuning & Singa Biru	Norico Chua	Kisah dua raja perkasa yang memerintah dengan bijaksana di dua negara yang berjiran. Namun, pada suatu hari, mereka saling mengadu kekuatan mengakibatkan peperangan dan menyebabkan kehidupan binatang dan tumbuhan yang tinggal di negara mereka berubah. Kisah ini menunjukkan peperangan adalah perbuatan sia-sia dan tidak ada faedah yang dapat diperoleh daripada peperangan. Sebaliknya, dengan bekerjasama semua pihak akan mendapat manfaatnya.	Penerbit Mahir	2022 Fiction
28 Songkok Haji Agil	Rilla Melati Bahri	Haji Agil seorang pembuat songkok yang kaya tetapi kedekut. Kedainya kelihatan buruk. Perkakas menjahit tidak pernah diganti. Haji Agil seronok mengira keuntungannya setiap hari. Ada dua songkok istimewa yang dipamer di dalam almari kaca di kedai songkok Haji Agil. Farid dan Farhan ingin sekali membeli songkok istimewa dari Haji Agil. Dapatkah mereka membeli songkok idaman mereka dari kedai Haji Agil untuk dipakai pada Hari Raya nanti?	Mini Monsters Limited	2021 Fiction
29 Trampolin ciptaan Nadia	Darren C Ong	Nadia amat menyukai bulan. Dia berharap trampolinnya dapat membawanya ke bulan. Namun, bulan terlalu jauh buatnya. Kemudian, haiwan-haiwan mempunyai idea yang bijak....	National Library Board	2022 Fiction
30 Untuk Siapakah Buah Zaitun Ini?	Fatima Sharafeddine	Rana baru pindah ke rumah baharu. Rumahnya terletak di sebelah pokok zaitun. Rumah Jad pun terletak di sebelah pokok itu. Apabila musim memetik buah zaitun tiba, keluarga Rana pun bersiap sedia. Namun mereka dihalang oleh keluarga Jad. Mereka berkata pokok zaitun itu milik mereka. Kedua-dua keluarga itu mula bertengkar!	Pustaka Nasional	2020 Fiction
31 Pengembaraan Tim	Rhaimie Wahap	Ini kisah pengembaraan beribu batu seekor penyu cilik bernama Tim.	Ungu Pen	2021 Fiction

32 Bayangkanlah	Kimberly Lee	<p>Melalui perjalanan karakter-karakter yang pelbagai, lakaran ilustrasi yang memikat hati, serta bacaan berirama yang mengasyikkan; buku ini mempersembahkan aneka senario yang menyentuh topik-topik penting tentang keselamatan diri dan batasan peribadi melalui sebuah persoalan utama: "Bayangkanlah..."</p> <p>Buku ini bertujuan untuk memperkasakan kanak-kanak melindungi dan memupuk rasa tanggungjawab dalam mempertahankan tubuh badan mereka dengan meneroka kemahiran mandiri seperti meletakkan batas ruang peribadi, memahami dan meraikan emosi, dan mengenal pasti sentuhan selamat dan tidak selamat.</p> <p>Panduan perbincangan tentang keselamatan diri yang menyeluruh turut disediakan untuk membantu para ibu bapa dan pendidik memulakan perbualan penting ini bersama anak-anak.</p>	Makchic Sdn. Bhd.	2022 Fiction
33 Nama saya Riz, saya ada penyakit motor neuron	Asri Sunawan	<p>Kehidupan Riz berubah apabila dia disahkan menghidapi Penyakit Motor Neuron atau MND. Disebabkan penyakit itu, bapa Riz mengibaratkan keadaannya sama seperti bayi yang memerlukan bantuan sepanjang masa. Riz dahulunya seorang personaliti televisyen dan aktivis masyarakat kini terlantar di katil dan perlu menggunakan kerusi roda untuk bergerak. Meskipun dalam keadaan pita suaranya terjejas akibat penyakit itu, Riz tetap menggunakan 'suaranya' yang unik untuk meningkatkan kesedaran tentang penyakit MND. Walaupun lemah secara fizikal, semangatnya tidak pernah luntur. Kisah kehidupan Riz mencerminkan satu perjalanan yang penuh dengan kekuatan, kesabaran dan kesungguhan. Sudikah awak berkawan dengan Riz?</p>	Helang Books	2022 Fiction
34 Aimi tidak murung lagi	Zanariah binti Salam	<p>Aimi kemurungan setelah kematian ibunya. Suatu hari, Aimi terpancang barang kepunyaan ibunya dan dia mula melihat potensi yang ada pada dirinya. Aimi berjaya keluar daripada kemurungan dan kemudian mencipta kejayaan tidak disangka dengan dorongan ayahnya.</p>	Zanariah binti Salam	2022 Fiction
35 Bermula dengan satu	Nur-El-Hudaa Jaffar	<p>Layla baru berpindah rumah. Dia risau dia tidak akan mendapat kawan baharu. Di taman, Layla berjumpa seorang budak perempuan yang hilang tali skipnya. Layla pun menunjukkan cara membuat tali yang baharu daripada gelang getah kepada budak perempuan itu.</p>	Pustaka Nasional	2023 Fiction

36 Batu belah batu bertangkup	Nur Khairiah	<p>Cerita bermula apabila Mak Tanjung berkecil hati dengan anak-anaknya, Melur dan Pekan kerana habis makan telur ikan tembakul.</p> <p>Malam itu, Mak Tanjung keluar dari rumah menuju ke hutan. Melur dan Pekan segera mengekori ibunya. Apabila sampai berdekatan dengan Batu Belah Batu Bertangkup, kedengaran bunyi yang sangat kuat!</p> <p>Adakah Mak Tanjung ditelan Batu Belah Batu Bertangkup?</p> <p>Cerita Rakyat versi Kids Prima menampilkan cerita rakyat terkenal yang diolah semula dalam versi lebih positif kepada kanak-kanak.</p>	Kids Prima	2023 Fiction
37 Flora dan si bunga malam	Abyan Junus-Nishizawa	<p>Flora merupakan seekor anak keluang yang tidak sabar untuk terbang seperti sepupunya. Sayangnya, pada percubaan pertama, dia terjatuh ke tanah. Flora berasa sedih. Mama memujuknya dengan menceritakan sebuah kisah si bunga malam yang sedang menunggu masa untuk kembang. Melalui cerita si bunga malam, Flora belajar tentang kesabaran dan kecekalan. Flora tidak mengalah dan akhirnya memahami bahawa semua perkara mempunyai waktunya tersendiri.</p>	Penerbitan Pelangi	2023 Fiction
38 Kita boleh menyelamatkan dunia : dengan mengelakkan pembaziran makanan	Ronald Chan	<p>Pada hari bekerja, beliau ialah Encik Pencinta Makanan. Seorang penggemar makanan yang selalu berkongsi gambar makanan di media sosial. Pada hujung minggu pula, beliau ialah Encik Penyelamat Makanan. Seorang wira yang memerangi pembaziran makanan. Ayuh meneroka bersama-sama beliau sambil mempelajari bagaimana satu tindakan boleh membawa perubahan besar kepada kelestarian alam.</p>	PTS Publishing House	2023 Non-fiction
39 Misi Menyelamatkan Nami	Sya Naail	<p>Cici dan Bubu terlihat seekor kucing yang sedang terbaring. Mereka cepat-cepat menghampirinya.</p> <p>Terdapat duri yang panjang mencucuk kaki Nami. Bagaimana Cici dan Bubu menyelamatkan Nami?</p>	Dewan Bahasa dan Pustaka	2023 Fiction

40 Peluang baharu Si Gelung	Sophia Huang	Si Gelung sebatang gelung tisu tandas. Dia rajin dan melakukan tugas dengan baik. Namun, apabila kertas tisunya habis, Si Gelung dibuang ke tepi. Dia dianggap sebagai sampah. Si Gelung menjadi sedih.	Pustaka Nasional	2023 Fiction
41 Bangau dan Ketam	S.R. Nathan	Cerita ini berdasarkan sebuah cerita rakyat yang terkenal.	Epigram Books	2014 Fiction

Recommended Book List (Additional Titles)								
No.	Target Readers	Title	Author	Synopsis (from Publisher)	Publisher	Publication Year	Fic/Non-Fic	
1	P2	Bilakah Hujan Akan Reda?	Mimi Salleh	Musibah banjir yang melanda beberapa negeri meninggalkan kesan kepada ramai. kisah ini daripada imaginasi anak kecil yang mengalaminya.	Big M Resources	2022	Fiction	
2	P2	Menala Melodi Alice	Joy Xine Goh	<p>Ikan paus suka menyanyi. Mereka menyanyi dengan frekuensi yang berbeza. Terdapat seekor ikan paus yang mengeluarkan bunyi berfrekuensi tinggi sehingga bunyinya tidak dapat didengari oleh ikan paus yang lain. Ia ikan paus yang paling kesepian di dunia. Ia dikenali sebagai ikan paus 52 hertz. Itulah Alice. "Kenapa ikan paus lain tidak mendengar nyanyianku?" Masalah ini sangat merunsingkan Alice. Pada suatu hari, Alice bertemu Arien dan Atuknya. Mereka memberitahu Alice bahawa mereka boleh membantunya mencari teman. Patutkah aku mempercayai mereka? Alice tidak pasti. Mungkin aku patut menerima tawaran mereka. Dengan itu, suara hatiku akan lebih didengari... Apakah yang perlu kita buat jika berlainan dengan orang lain? Mari kita mengembara mencari jati diri bersama Alice.</p>	Nil	2022	Fiction	
3	P1	Oyen Takut Apa?	Mohd Khairul Azman Ismail	<p>Oyen tiba-tiba berlari ketakutan. Oyen melompat ke atas rumah, merempuh apa sahaja di hadapannya. Atuk dan Opah pun hairan. Kenapa Oyen lari? Oyen takut apa sebenarnya?</p> <p>Sebuah buku bergambar tentang kasih sayang dan persahabatan. Pembaca kecil akan dibawa bereksplorasi - mengenali barang- barang dan peralatan yang ada di dalam rumah Atuk dan Opah.</p>	OwlyBooks Enterprise	2022	Fiction	

4	P2	Bayangkanlah	Kimberly Lee & Liyana Taff	Melalui perjalanan karakter-karakter yang pelbagai, lakaran ilustrasi yang memikat hati, serta bacaan berirama yang mengasyikkan; buku ini mempersembahkan aneka senario yang menyentuh topik-topik penting tentang keselamatan diri dan batasan peribadi melalui sebuah persoalan utama: "Bayangkanlah..."	Makchic Sdn. Bhd.	2022	Non-fiction
5	P1	Tok Bah Suka Apa?	Mohd Khairul Azman Ismail	<p>Tok Bah teringin makan kuih berwarna hijau. Akan tetapi Tok Bah terlupa namanya.</p> <p>Kuih apakah itu? Dengan bantuan Owly, Tok Mi cuba sediakan kuih hijau yang Tok Bah inginkan.</p> <p>Betulkah tekaan Tok Mi? Apakah kuih hijau kesukaan Tok Bah?</p> <p>Sebuah buku bergambar tentang kasih sayang dan persahabatan. Pembaca kecil akan belajar mengenali kuih-kuih tradisional yang semakin asing dari zaman mereka.</p>	OwlyBooks Enterprise	2022	Fiction